JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG



# BIOGRAFI

# Mufti-Mufti

NEGERI PULAU PINANG

# Prakata

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani*

Setinggi-tinggi kesyukuran diucapkan ke hadrat Allah ﷻ kerana dengan riayah dan inayah-Nya dapatlah Risalah Biografi Mufti ini disiapkan hasil daripada kajian yang telah dijalankan.

Kaedah yang digunakan bagi mengumpul maklumat melalui temu ramah kepada waris, ahli keluarga, kenalan, merujuk penulisan di dalam majalah dan akhbar.

Mengambil tanggungjawab sebagai العلماء ورثة الأنبياء para mufti telah menyampaikan ilmu serta pandangan hukum berdasarkan ilmu yang mereka miliki agar masyarakat mendapat panduan yang jelas dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah ﷻ .

Adalah diharapkan dengan maklumat yang ringkas ini para pembaca akan dapat mengenali serba sedikit tentang para Mufti Negeri Pulau Pinang yang telah menabur jasa dan memberi panduan hukum kepada masyarakat Islam khususnya di Negeri Pulau Pinang dan seluruh Malaysia amnya.

Walau bagaimanapun jika terdapat sebarang maklumat tambahan daripada pembaca berkaitan latar belakang, pendidikan, sumbangan dan seumpamanya, Jabatan ini amat mengalu-alukan sebarang pembetulan atau komen untuk tujuan usaha bagi penambahbaikan maklumat sedia ada agar penulisan ini menjadi lebih mantap dan terperinci pada masa-masa yang akan datang.

Mudah-mudahan jua jasa mereka mendapat ganjaran yang setimpalnya daripada Allah ﷻ dan kepada mereka yang telah pergi menemui Ilahi, kita sedekahkan surah Al-Fatihah agar roh mereka aman di sana.



# Mufti Pertama

(TAHUN 1951 - 1956)

## SAHIBUS SAMAHAH TUAN GURU SHEIKH HAJI ABDULLAH BIN HAJI IBRAHIM

| | |
|---|---|
| Nama | : Tuan Guru Sheikh Haji Abdullah bin Haji Ibrahim (Dikenali sebagai Sheikh Abdullah Fahim) |
| Tahun/Tempat Lahir | : 1869/Makkah al-Mukarramah |
| Tahun Kematian | : 27 April 1961 (92 tahun) |
| Nama Isteri | : 1.Hajah Wan Habsah binti Haji Abdullah<br>2.Hajjah Sareah @ Shari'ah binti Haji Hassan |
| Bilangan Anak | : 1.Khadijah<br>2. Ghazali<br>3. Ahmad (Ahmad Badawi)<br>4. Abdul Hamid |

**Latar Belakang Pendidikan :**

Mempelajari ilmu agama di Makkah dan menguasai Ilmu Usuluddin, Fiqh, Tasawuf, Tarekat, Tafsir al-Quran, Hadis, Falak serta Ilmu Alat seperti '*Arudh* dan *Qawafi* dalam rumpun sastera Arab

**Sumbangan :**

- Anggota Lembaga Masjid Al-Haram
- Guru ilmu falak, usuluddin, tafsir al-Quran & Hadis di Masjid al-Haram.



1921: Mengajar pengajian agama bercorak *halaqah* atau *umumi* di rumah beliau.
1922: Mengajar di Pondok Tuan Hj. Wan Sulaiman b. Wan Sidik (4 tahun).
1926: Mengasas & Mengajar di Daeratul Ma'arif al-Wataniah.
1932: Mudir Madrasah Idrisiah, Bukit Chandan.
1951: Mufti Pulau Pinang yang pertama (5 tahun)

- Beliau menetapkan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.



2

# Mufti Kedua

(TAHUN 1961 - 1964)

## SAHIBUS SAMAHAH TUAN GURU HAJI ABDULLAH BIN ISMAIL

| | |
|---|---|
| Nama | : Tuan Guru Haji Abdullah bin Ismail (Dikenali sebagai Abdullah Sanap) |
| Tahun/Tempat Lahir | : 1883 |
| Tahun Kematian | : 12 Julai 1967 (84 tahun) |
| Nama Isteri | : Hajah Sofiah binti Ismail |
| Bilangan Anak | : 1. Rokiah<br>2. Halimah<br>3. Ahmad<br>4. Adnan<br>5. Hamidah<br>6. Ismail |

**Latar Belakang Pendidikan :**

1. Pendidikan awal di Pondok Padang Lalang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

2. Menyambung pelajaran ke Makkah sehingga menjadi tenaga pengajar di sana (15 tahun).











مفتي
فولو فينڠ
منيڠݢل

فولو فينڠ 12 جولي – دڠن سديهڽ دبريتاكن بهوا توان حاج عبدالله بن اسمعيل، 85 تاهون، مفتي نݢري فولو فينڠ، تله منيڠݢل دنيا درومهڽ دفرماتڠ سوݢي دوا، سبرڠ فراي اوتارا، كيرا٢ جم 6.00 فاݢي اين.

المرحوم تله دلنتيق منجادي مفتي نݢري فولو فينڠ فد 1 سفتمبر 1961 مڠݢنتيكن توان حاج عبدالله فهيم.

المرحوم منيڠݢلكن سأورڠ بالو دان تيݢ اورڠ انق.

المرحوم دكتاكن عوزور سجق بيراف هاري يڠ لالو.

توان يڠ ترلوتام كبنور فولو فينڠ دان كتوا منتري فولو فينڠ تله مڠهنتركن اوچاڤن تعزيه كفد كلوارݢ المرحوم ايت.

جنازهڽ تله سلامت دكبوميكن دڠن دهنتاري اوليه بريبو٢ اورڠ دتانه فركبوران فرماتڠ سوݢي دوا، فتڠ اين.





3

# Mufti Ketiga

(TAHUN 1969 - 1981)

## SAHIBUS SAMAHAH DATUK SHEIKH HAJI ADNAN BIN SHEIKH HAJI HASHIM

| | |
|---|---|
| Nama | : Datuk Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Haji Hashim |
| Tahun/Tempat Lahir | : 1905/Penaga, SPU |
| Tahun Kematian | : 1983 (78 tahun) |
| Nama Isteri | : Datin Maznah bte Mohd Yunus |
| Bilangan Anak | : 1. Ahmad Sabri, 2. Nasriah, 3. Fatahiah, 4. Zakian, 5. Munzar, 6. Munir, 7. Zahidah, 8. Suadah, 9. Mahruzah, 10. Ommihanin, 11. Nazahah |

**Latar Belakang Pendidikan :**

1. Sekolah Penaga, Seberang Perai Utara
2. Pondok Tuan Haji Majid di Permatang Janggus
3. Pondok Bukit Indra Muda, Bukit Mertajam
4. Melanjutkan pelajaran ke Makkah, Madinah dan Mesir (11 tahun)




**Sumbangan :**

- **1935:** Ahli 'Sheikul Islam' secara sukarela di Kedah
- **1956:** Guru Agama di Maktab Mahmud, Alor Setar
- **1961:** Mengajar ilmu-ilmu agama di masjid-masjid sekitar Pulau Pinang dan Kedah.
- **1969:** Mufti Pulau Pinang dan berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (11 tahun).

**Anugerah :**

1. Darjah Johan Negeri (D.J.N)
2. Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N)



4

# Mufti Keempat

(TAHUN 1982 - 1984)

## SAHIBUS SAMAHAH TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HASHIM

| | |
|---|---|
| Nama | : Tuan Haji Abdul Rashid bin Hashim |
| Tahun/Tempat Lahir | : 1922/Permatang Tok Jaya |
| Tahun Kematian | : Februari 1984 (62 tahun) |
| Bilangan Anak | : 1. Munirah<br>2. Munir<br>3. Taufik<br>4. Suraya<br>5. Mufdi |

**Sumbangan :**

- Guru di Sekolah Agama Khairiah
- Imam di Masjid Sungai Dua (Masjid Pokok Setol)
- Mengajar kuliah agama di sekitar negeri Pulau Pinang





5

# Mufti Kelima

(TAHUN 1984 - 1993)

## SAHIBUS SAMAHAH DATO' HAJI MOHAMMAD BIN HAJI HASHIM

| | |
|---|---|
| Nama | : Dato' Haji Mohammad bin Haji Hashim (Dikenali sebagai Ustaz Mad Soghir) |
| Tahun/Tempat Lahir | : 1927/Kepala Batas |
| Tahun Kematian | : 21 Januari 1993 (66 tahun) |
| Nama Isteri | : Datin Hajah Aminah binti Haji Anwar |
| Bilangan Anak | : 2 orang perempuan |

**Latar Belakang Pendidikan :**

1. Pondok Kubang Ulu, Kubang Semang dan Pondok Daeratul Ma'arif al-Wataniah, Kepala Batas, Pulau Pinang.

2. Lulusan Ulum Syariah (Universiti Aligarh, Pakistan).

3. Beliau mahir berbahasa Inggeris, Urdu, Tamil, Hokkien (Kantonis), Jepun, arab dan Jawa.




**Sumbangan :**
- Penterjemah B.Arab ke B.Melayu kepada Pengetua Kolej Islam.
- Guru Bahasa Jepun semasa pemerintahan Jepun.
- **1958:** Guru Agama di Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR), Ipoh
- **1990:** Ahli Majlis Agama Islam Pulau Pinang

**Anugerah :**
1. Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N)
2. Pingat Pangkuan Negara (P.P.N)
3. Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)

**Penulisan :**
*Star Through The Year*



# Mufti Keenam

(TAHUN 1993 - 1997)

## SAHIBUS SAMAHAH DATO’ SYEIKH AZMI BIN AHMAD

Nama : Dato’ Syeikh Azmi bin Ahmad

Tahun/Tempat Lahir : 1943/Arau, Perlis

Tahun Kematian : 1 Mac 2008 (65 tahun)

Nama Isteri : 1. Puan Balkis bt. Musa
2. Tengku Mahtra binti Tengku Kassim

Bilangan Anak : 1. Bazlina 2. Badrul Zamani
3. Ibtisam 4. Mohd Hamidi 5. Mohd Dzahrani
6. Ahmad Asyraf 7. Noor Fahmi 8. Muhd Attaellah

**Latar Belakang Pendidikan :**

1. Sekolah Kebangsaan Arau, Perlis.
2. Sekolah Menengah Arab Alawiyyah, Arau, Perlis
4. Diploma Kehakiman dan Pentadbiran Hukum Syarak (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).
5. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Syariah dan Kesusasteraan Arab (Universiti Baghdad, Iraq).





**Sumbangan :**

- Pegawai Penerangan Agama di Jabatan Agama Islam Negeri Perak
- Kadi di Kedah
- Timbalan Kadi Besar di Kedah
- **1991:** Ketua Pendaftar Nikah, Cerai Dan Rujuk di Alor Setar
- **1998:** Ketua Hakim Syari'e, Mahkamah Syariah Pulau Pinang.
- **1999:** Ketua Hakim Syari'e, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Labuan.



7

# Mufti Ketujuh

(TAHUN 1997 - 2014)

## SAHIBUS SAMAHAH DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD

| | |
|---|---|
| Nama | : Dato' Seri Haji Hassan bin Haji Ahmad |
| Tahun/Tempat Lahir | : 1942/Kepala Batas |
| Nama Isteri | : Datin Pauziah bt. Mohd Nor |
| Bilangan Anak | : 1. Dahlia  2. Faiz<br>3. Radzi  4. Fareha<br>5. Mohamad  6. Basyiroh<br>7. Fikri  8. Syazwani |

**Latar Belakang Pendidikan :**

1. Sekolah Melayu Jelutong, Taiping, Perak.
2. Maktab Pengajian Islam Kota Bharu, Kelantan.
3. Maahad Al-Dakwah Wal Imamah Nilam Puri, Kelantan.
4. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kelantan).
5. Ijazah Sarjana Usul al-Fiqh, Fakulti Syariah, (Universiti Al-Azhar, Mesir)

**Sumbangan :**

- **1981:** Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
- **1997:** Ahli Lembaga Pengawalan Teks Al-Quran- (KDNPP)
- **1998:** Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti
- **2001:** Ahli Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan (Perbankan Islam & Takaful, Bank Negara Malaysia)

- **2004:** Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji Lembaga Tabung Haji Malaysia
- **2008:** Pengerusi Jawatankuasa Penulisan & Penyemakan Khutbah (MAINPP)
- **2012:** Ahli Jawatankuasa Lembaga Penasihat Penerbitan Dakwah Islamiah (PEDIM)




**Anugerah**

1. Paduka Mahkota Perak (P.M.P)
2. Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) - Dato’
3. Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N) – Dato’ Seri
4. Panglima Jasa Negara (P.J.N) - Datuk
5. Anugerah Maulidur Rasul 1433H

**Penulisan :**

1. Riwayat Hidup al-Imam al-Nawawi
2. *Al-Mafhum wa Mauqif al-Usuliyina min Hujjiyatih*
3. Usul al-Fiqh
4. Kaedah dan Peraturan Pajak Gadai Mengikut Kehendak Islam



8

# Mufti Kelapan

(TAHUN 2014 - KINI)

## SAHIBUS SAMAHAH DATO' SERI DR. HAJI WAN SALIM BIN HAJI WAN MOHD NOOR

| | |
|---|---|
| Nama | : Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Haji Wan Mohd Noor |
| Tahun/Tempat Lahir | : 1944/Jitra, Kedah |
| Nama Isteri | : Datin Seri Hajah Jariah binti Md. Noh |
| Bilangan Anak | : 1. Wan Iman 2. Wan Saiful Islam<br>3. Wan Wardatul Amani 4. Wan Ainur Anhar<br>5. Wan Muhammad Yasir<br>6. Muna Fathiyah bt Dil. Mohd (anak angkat) |

**Latar Belakang Pendidikan :**

1. Sekolah Melayu Siputeh, Jitra, Kedah.
2. Maahad Mahmud, Alor Setar, Kedah.
3. Ijazah Sarjana Muda, Kuliah Usul Al-Din, Akidah dan Falsafah (Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir).
4. Diploma Pendidikan (Universiti Ayn Al-Shams, Kaherah).
5. Ijazah Sarjana, Dakwah dan Tamadun Islam (Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir).
6. Ph.D, (Pengajian Timur Tengah - Pengajian Islam) Universiti Edinburgh, United Kingdom.



**Sumbangan :**

- Penceramah Jemputan slot Radio Dimensi Agama: Hijrah di Radio 3, P.P (Isnin)
- Ahli Jawatankuasa Pembangunan Program Ijazah Sarjana Muda Bidang Pengajian Islam (UTHM)
- Pengerusi Qaryah Masjid Jamek Sungai Gelugor, P.P
- Yang Di Pertua Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- Ahli Lembaga Senat (USM)
- Penasihat Mahkamah Juvana Pulau Pinang
- Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Pulau Pinang
- Ahli Lembaga Pengarah Wakaf Pulau Pinang
- Ahli Lembaga Pengarah As-Sahabah Urus Zakat

**Anugerah :**

1. Anugerah Tokoh Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang
2. Anugerah "Leading Philosphers Of The World"
3. Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang
4. Tokoh Maal Hijrah Peringkat Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang
5. Darjah Johan Negeri (D.J.N)
6. Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Qaryah Sungai Gelugor, Pulau Pinang
7. Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N)-Dato'
8. Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N)-Dato' Seri

**Penulisan :**

1. Menongkah Arus Globalisasi
2. Transformasi Ummah

*Diterbitkan oleh* :
**JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG**
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Georgetown, Pulau Pinang.
Tel : +604-263 2975 | Faks : +604-263 2985
Web : http://mufti.penang.gov.my
E-mel : mufti@penang.gov.my